

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN
PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)
24 DISEMBER 2013

Arahan kepada calon-calon:

1. Sila tulis bilangan index awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:
 - Bahagian A : 30 Soalan Objektif
 - Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
 - Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila jawab:
 - Bahagian A : Semua Soalan
 - Bahagian B : 7 Soalan sahaja
 - Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

SEMOGA BERJAYA

BAHAGIAN A: SOALAN OBJEKTIF

Bahagian ini mengandungi 30 soalan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan dan setiap soalan mempunyai satu(1) markah. Pilih satu jawapan yang tepat bagi setiap soalan.

1. Pusingan atau Proses Pelaksanaan TPOR (Tekad Pemedulian Orang Ramai) yang teratur ada enam (6). Pusingan Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat adalah Pembentukan Jawatankuasa, Penggubalan, Promosi dan Penyediaan Sistem Pemulihan Perkhidmatan. Pusingan yang seterusnya adalah :
 - a. Penilaian dan Penambahbaikan : Pemantauan
 - b. Pemantauan : Penilaian dan Penambahbaikan
 - c. Pemantauan : Penambahbaikan dan Penilaian
 - d. Pemantauan : Penilaian dan Rebiu

2. Sesuatu jawatan kosong untuk di "trade off" bagi maksud mengadakan gelaran jawatan yang sudah ada di Perkhidmatan Awam hendaklah dihadapkan melalui Setiausaha Tetap kepada pihak yang berkuasa mempertimbangkan. Siapakah yang dimaksudkan dengan pihak berkuasa itu ?
 - a. Kementerian Kewangan
 - b. Jabatan Perdana Menteri
 - c. Jabatan Perbendaharaan
 - d. Jabatan Perkhidmatan Awam

5. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/2007 menggariskan bahawa Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan dibolehkan memohon dan mengisikan kekosongan jawatan di Kementerian / Jabatan secara bergaji hari bagi Lulusan Ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND). Bagi tujuan dan urusan ini, Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Pengambilan Gaji Hari. Diantara tugas jawatankuasa ini adalah :

- i. Memastikan calon-calon diperakukan dari segi kelulusan yang diiktiraf secara ujian bertulis dan/atau kaedah lain (jika perlu);
- ii. Memastikan pemohon-pemohon memenuhi Skim Perkhidmatan
- iii. Menemuduga calon-calon; dan

Sila nyatakan satu (1) lagi tugas jawatankuasa ini.

- a. Memastikan pemohon-pemohon menghadiri temuduga
- b. Membuat rumusan/laporan lengkap hasil dari temuduga.
- c. Memastikan ahli jawatankuasa menghadiri temuduga
- d. Memastikan pemohon-pemohon mengisi borang SPA/02

6. Merujuk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/2012, Elaun Insentif bulanan akan diberhentikan jika pegawai-pegawai di dalam keadaan berikut :

- i. Dalam proses diambil tindakan tatatertib
- ii. Naik pangkat ke Bahagian I
- iii. Sepanjang tempoh pegawai menjalani cuti tidak bergaji

Apakah satu keadaan lagi ?

- a. Bertukar gelaran jawatan
- b. Mengambil cuti tahunan
- c. Bertukar ke Kementerian/Jabatan lain
- d. Mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut

3. Dengan merujuk kepada Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83, ada tiga kaedah pengiklanan jawatan kosong. Salah satu kaedahnya adalah pengiklanan menurut **Bab 38 (a)**. Apakah yang dimaksudkan dengan pengiklanan di bawah bab ini ?
- Pengiklanan dibukakan kepada orang ramai termasuk pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan
 - Pengiklanan dibukakan kepada kakitangan yang sedang berkhidmat di dalam Kementerian atau Jabatan Kerajaan itu sahaja
 - Pengiklanan dibukakan kepada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian dan Jabatan Kerajaan
 - Pengiklanan dibukakan kepada kakitangan yang berkhidmat di sektor swasta
4. Seorang pegawai dalam Bahagian II yang baru dilantik telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya pada 4 Julai 2012. Bilakah tarikh kenaikan gaji tahunannya seterusnya ?
- 1 Ogos 2013
 - 4 Julai 2013
 - 1 Januari 2013
 - Belum berkecualan

